

Tiga isu dibawa ke Parlimen

Masalah banjir kilat di Segambut menuntut penyelesaian segera

IZWAN ROZLIN

SEGAMBUT - Isu banjir kilat di Segambut akan dibawa ke sidang Parlimen akan datang bagi menuntut penyelesaian kepada masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu.

Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng berkata, tiga persoalan utama yang akan dibawa meliputi langkah jangka masa panjang, bantuan dan pampasan yang masih tidak diberikan serta apakah punca banjir berlaku.

Menurutnya, langkah itu terpaksa diambil kerana sehingga kini pihaknya tidak mendapat maklum balas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi me-



Lip Eng (kanan) menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian kepada salah seorang mangsa banjir kilat.

nyelesaikan isu berkenaan.

"Datuk Bandar, Datuk Ahmad Phasal Talib ada

umum untuk belanja RM3 juta bina longkang dari Taman SPPK ke Sungai Gombak. Itu

hanya rancangan jangka masa pendek sedangkan isu banjir ini perlu diselesaikan secara

total," katanya ketika ditemui pada program penyampaian sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Segambut Bahagia di sini, semalam.

Beliau berkata, selain itu pampasan dan ganti rugi juga perlu diberikan kepada penduduk terlibat dengan masalah banjir tersebut.

Katanya, sehingga kini mangsa banjir tidak menerima apa-apa sumbangan yang boleh meringankan kerugian besar terpaksa ditanggung, baik dari Kementerian Wilayah mahupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sementara itu, mangsa banjir yang ditemui, Samsiah Ahmad, 67, berkata, dia kerugian hampir RM 10,000 selepas segala perkakas dan peralatan elektrik rumahnya rosak

akibat banjir kilat.

"Sampai hari ini kerja mengemas rumah belum selesai, bayangkan mesin basuh, almari dan perabot kayu semuanya rosak dan tidak dapat digunakan," katanya.

Sementara itu Nurbariah Bahzin, 36, berkata, apa yang paling menyedihkannya ialah buku-buku sekolah tiga anaknya musnah dalam banjir terbabit.

"Baju sekolah terpaksa dibasuh dan diguna semula walaupun lusuh kerana kami terpaksa beli peralatan elektrik dan keperluan baru," katanya.

Hebahkan
aktiviti komuniti anda
hubungi Sinar Harian